

05/05/1998

2 NGO dikenal pasti (HL)

Shamsul Kamal Amarudin

KOTA KINABALU, Isnin - Polis mengenal pasti sekurang-kurangnya dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan tiga individu terbabit dalam menyalurkan berita palsu kepada media asing kononnya pihak berkuasa negara ini meracun dan membunuh pendatang tanpa izin Indonesia di kem tahanan.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, berkata pihaknya sedang menjejaki mereka dan menimbang mengambil tindakan yang sesuai dengan keadaan semasa dan undang-undang negara.

Tanpa memberi maklumat lanjut dan tindakan yang bakal diambil, Rahim bagaimanapun mengesahkan pertubuhan itu ialah NGO tempatan dan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

"Penilaian polis sehingga kini mendapati NGO terbabit begitu prihatin terhadap kesilapan atau kesalahan yang pada pandangan mereka dilakukan oleh pihak berkuasa.

"Mereka kemudian menghebahkan kepada masyarakat antarabangsa tanpa mengambil kira sama ada maklumat itu betul atau palsu.

"Mereka menganggap taraf sebagai NGO itu kebal dan boleh berbuat apa sahaja kononnya atas nama hak asasi manusia," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Darjah Kehaulanan Polis, di sini hari ini.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mungkin mengambil tindakan terhadap dua akhbar Britain kerana menyiarkan laporan palsu berkenaan.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan mengkaji bentuk tindakan yang boleh diambil terhadap akhbar Observer dan The Independent kerana menyiarkan laporan itu yang jelas diberi oleh NGO tempatan tanpa menyelidik kesahihannya.

Kedua-dua akhbar itu menuduh Malaysia 'meracun beramai-ramai' pelarian dan pekerja tanpa izin rakyat asing untuk melemahkan mereka sebelum dihantar pulang, bulan lalu.

Laporan itu turut menyebut anggota keselamatan yang bertanggungjawab menghantar mereka pulang, meracun dan membunuh pendatang itu dengan alasan untuk menghalang mereka daripada datang semula ke negara ini.

Rahim berkata, polis mendapati NGO dan individu terbabit sentiasa bersikap berat sebelah dalam penilaiannya terhadap tindakan pasukan keselamatan dan pihak berkuasa negara ini.

Menurutnya, NGO dan individu terbabit didapati cukup berminat untuk mendedahkan setiap kesilapan dan kesalahan pihak berkuasa tetapi tidak pernah menyampaikan kepada masyarakat antarabangsa mengenai kejayaan dan keprihatinan kerajaan membantu rakyat asing dalam pelbagai perkara.

Beliau berkata, kerajaan dan pihak berkuasa negara ini tidak mungkin dapat memenuhi permintaan NGO dan individu terbabit yang seolah-olah mahukan pendatang tanpa izin dilayan seperti pelancong kelas pertama.

"Pada dasarnya kita tidak menghadapi sebarang masalah dalam proses penghantaran pendatang tanpa izin tanpa mengira suku kaum atau negara mana sekali pun.

"Malah, pendatang terbabit menghormati tindakan yang kami lakukan dengan mengikut segala prosedur kerana mereka tahu telah melanggar undang-undang negara kita," katanya.

Menurut Rahim, hanya pendatang tanpa izin dari Aceh yang mendapatkan sedikit masalah ketika proses penghantaran pulang sehingga mendapat liputan meluas media asing.

"Saya terpaksa menyebut nama suku kaum itu kerana tidak mahu pendatang

tanpa izin suku kaum lain yang memberi kerjasama kepada kami berasa tersinggung apabila laporan mengenai keengganan orang Aceh itu dilaporkan oleh media," katanya.

Beliau meminta masyarakat dari suku kaum Aceh agar menghormati keputusan Kerajaan Malaysia yang tidak mengiktiraf mereka sebagai pelarian politik, sebaliknya menganggap pendatang tanpa izin.

(END)